

26 SEP 1997

Jerebu-Syarikat

SEBANYAK 31 SYARIKAT SETUJU SUMBANG KEPADA TABUNG BENCANA JEREBU

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Sebanyak 31 daripada 43 buah syarikat Malaysia yang mengusahakan pelbagai bidang ekonomi di Indonesia hari ini bersetuju memberikan sumbangan kepada Tabung Bencana Alam Jerebu yang antara lain bertujuan membantu membiayai usaha memadamkan api di republik itu.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata mereka memberi perakuan itu pada perjumpaan dengan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara yang dipengeruskannya di Bilik Gerakan Negara di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Pada perjumpaan ini saya juga telah menyerahkan kepada mereka satu surat peribadi daripada (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) Pengarah Gerakan Negara," katanya pada persidangan berita selepas perjumpaan kira-kira 40 minit itu.

Beliau tidak dapat memberikan jumlah derma daripada tiap-tiap syarikat itu kerana wakil-wakil yang hadir pada perjumpaan berkenaan perlu membincangkannya dengan lembaga pengarah masing-masing terlebih dahulu tetapi berkata: "Kita telah minta mereka menderma sebanyak yang boleh."

Bagaimanapun katanya persetujuan memberikan sumbangan itu bukanlah bermakna suatu pengakuan bersalah oleh syarikat-syarikat itu yang sebelum ini dikatakan terlibat sama ada secara langsung atau melalui rakan usahasama mereka di sana membakar hutan bagi dijadikan ladang.

Mohamed berkata syarikat-syarikat itu yang kebanyakannya syarikat tersenarai awam tidak mempunyai masalah untuk memberikan sumbangan kepada tabung itu yang sekaligus akan membuktikan keprihatinan mereka terhadap masalah ini.

Menjelaskan mengenai peranan tabung itu, yang dikendalikan jawatankuasa berkenaan, beliau berkata ia juga bertujuan membiayai penyelidikan kesan jangka panjang jerebu terhadap kesihatan di samping untuk membekalkan alat-alat memadamkan kebakaran ke Indonesia.

"Ia juga untuk menyediakan tabung rawatan bagi rakyat Malaysia yang kita jangka akan menghadapi penyakit kronik akibat jerebu dalam jangka panjang," katanya sambil menambah bahawa syarikat-syarikat lain di Malaysia juga akan diminta memberikan sumbangan.

Ketika menjawab soalan mengenai tindakan kerajaan terhadap syarikat-syarikat yang disebutkan nama mereka melalui televisyen malam tadi tetapi tetap tidak hadir pada mesyuarat itu, beliau berkata Bahagian Keselamatan Negara akan terus cuba menghubungi mereka.

"Saya ingin jelaskan bahawa kita panggil perjumpaan ini bukan untuk memarahi atau menuduh mereka walaupun orang kata begitu... kita mahu bincang dan minta kerjasama mereka untuk tangani kebakaran besar di Indonesia," katanya.

Beliau berkata perjumpaan itu juga bertujuan menjelaskan kepada mereka hasrat jawatankuasa itu untuk menjalankan penyelidikan kesan jerebu yang terburuk pernah melanda sekarang terhadap rakyat dan mencari cara terbaik mengatasinya.

Mohamed juga mengingatkan media massa supaya berhati-hati dalam membuat laporan mahupun lakaran kartun mengenai jerebu supaya tidak menyentuh sensitiviti hubungan baik Malaysia-Indonesia.

"Saya minta mereka jangan sampai timbul kesangsian di pihak Indonesia terhadap keikhlasan kita...," katanya.

Beliau juga berkata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sepatutnya sudah

mengambil inisiatif sendiri yang positif bagi menangani masalah jerebu ini, yang bukan sahaja melibatkan Malaysia dan Indonesia tetapi boleh menjadi masalah serantau.

Ketika ditanya langkah Malaysia bagi memastikan jerebu tidak berulang tahun depan akibat pembakaran hutan terbuka yang menjadi amalan tahunan di Indonesia, beliau berkata satu memorandum persefahaman akan ditandatangani antara kedua-dua negara tidak lama lagi.

Draf memorandum itu akan dikemukakan kepada mesyuarat kabinet minggu depan.

-- BERNAMA
MNY RON